

**SUMBANGAN KADEAH LISENTU DALAM MENDISKRIMINASI HURUF
KECIL DARI PERSPEKTIF MURID PROGRAM PEMULIHAN KHAS**

KOH JIA XIAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Kajian ini didedikasikan kepada ibu bapa saya yang menyokong saya untuk melanjutkan pelajaran. Mereka banyak memberi sokongan moral dan sumbangan kewangan kepada saya sepanjang melengkapkan laporan projek ini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Dr. Yeo Kee Jiar, selaku penyelia projek yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan laporan projek ini.

Selain itu, jutaan kalungan kasih kepada keluarga tercinta yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh saya menyediakan laporan projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat sepengajian yang lain kerana memahami dan memberi bantuan serta semangat sepanjang tempoh pelaksanaan laporan projek ini.

ABSTRAK

Murid Program Pemulihan Khas merupakan murid yang lemah dalam kemahiran asas 3M, iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira. Ada antara mereka yang mempunyai ciri-ciri keperluan khas seperti disleksia. Kelemahan dalam menguasai kemahiran asas menyebabkan mereka tercicir dalam pembelajaran. Program Pemulihan Khas yang membekalkan Sukatan Pengajaran Program Pemulihan Khas, Kelas Pemulihan Khas dan Guru Pemulihan Khas telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1960-an bagi menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid Program Pemulihan Khas. Menurut penyelidikan masa lalu, kesukaran mendiskriminasi huruf kecil merupakan kesukaran yang selalu dihadapi oleh murid Program Pemulihan Khas. Kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d dikategorikan dalam kemahiran mengenal huruf yang merupakan kemahiran paling asas dalam sukanan pengajaran Program Pemulihan Khas. Walaibagaimanapun, kaedah dan strategi yang dibekalkan dalam penyelidikan yang sedia ada seperti kaedah LEGOTU dan aktiviti membentuk doh tidak dapat membantu pengkaji menyelesaikan kesukaran mendiskriminasi huruf kecil b dan d yang dihadapi oleh murid Program Pemulihan Khas di sekolahnya. Oleh itu, sebuah kajian kes yang menggunakan kaedah LISENTU telah dicipta dan dijalankan. Kajian kes ini bertujuan untuk menyelesaikan kesukaran mendiskriminasi huruf kecil b dan d dari segi minat dan persepsi murid Program Pemulihan Khas dengan menggunakan kaedah LISENTU. Kaedah LISENTU terdiri daripada tiga jenis aktiviti, iaitu aktiviti lihat, aktiviti sentuh dan aktiviti tulis. Dalam aktiviti lihat, peserta kajian menyebut dan mengecam huruf kecil b dan d berdasarkan kad huruf yang ditunjukkan dengan menggunakan Periskop Misteri. Dalam aktiviti sentuh, peserta kajian telah dipakaikan topeng mata, kemudian menyentuh kad huruf timbul yang ditunjukkan lalu menyebut dan mengecam huruf yang disentuh. Dalam aktiviti tulis, peserta kajian telah menulis huruf dengan cara yang betul dalam kertas garis tiga. Data kajian telah dikutip melalui kaedah temu bual dengan peserta kajian dan kaedah analisis dokumen. Transkrip temu bual yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik. Lima tema telah dianalisis untuk menjelaskan tiga persoalan dalam kajian ini. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kaedah LISENTU berjaya menyumbang kepada kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d dari perspektif murid Program Pemulihan Khas.

ABSTRACT

Remedial Education Programme pupils are pupils who are weak in basic 3M skills, which are reading, writing and counting skills. Some of them have special needs characteristics such as dyslexia. Weaknesses in mastering basic 3M skills cause them to drop out of learning. The Remedial Education Programme which provides the Remedial Education Syllabus, Remedial Education Classes and Remedial Education Teachers has been introduced by the Ministry of Education Malaysia (KPM) since the 1960s to solve the learning problems faced by the Remedial Education Programme pupils. According to past researchs, the difficulty of discriminating against lowercase letters is a difficulty that pupils of the Remedial Education Programme always face. The skill of discriminating against lowercase letters b and d is categorized in the skill of recognizing letters which is the most basic skill in the Syllabus of Remedial Education Programme. However, the methods and strategies provided in the existing research such as LEGOTU method and dough forming cannot help the researcher to solve the difficulty of discriminating the small letters b and d faced by the Remedial Education Programme pupils in his school. Therefore, a case study using LISENTU was created and carried out. This case study aims to solve the difficulty of discriminating against lowercase b and d in terms of the interests and perceptions of pupils of the Remedial Education Programme by using LISENTU method. The LISENTU method consists of three types of activities, namely “Lihat” activity, “Sentuh” activity and “Tulis” activity. In “Lihat” activity, the participants mentioned and identified the lowercase letters b and d based on the letter cards shown using the Mystery Periskop. In “Sentuh” activity, the participants were wearing eye masks, then touching the pop-up letter card shown and pronouncing the touched letters. In the “Tulis” activity, the participants wrote letters in the correct way in the triline paper. The research data has been cited through the method of interviewing the participants and document analysis methods. The transcripts of the collected interviews have been analysed using thematic methods. Five themes have been analysed to explain the three research questions in this study. In conclusion, the results of the study proved that LISENTU method successfully contributed to the discriminating skills of lowercase letters b and d from the perspective of Remedial Education Programme pupils.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viiii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiiiiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
 BAB 1 PENGENALAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Kerangka Teori	12
1.8 Kerangka Konsep Kajian	17
1.9 Skop Kajian	17
1.10 Batasan Kajian	18
1.11 Definisi Istilah	18
1.11.1 Kaedah LISENTU	18
1.11.2 Mendiskriminasi	19
1.11.3 Perspektif	19
1.11.4 Murid Program Pemulihan Khas	19
1.12 Rumusan	20

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Teori dan Model Pembelajaran	21
2.2.1	Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget	21
2.2.2	Model Pembelajaran Taksonomi Bloom	25
2.3	Murid Program Pemulihan Khas	27
2.3.1	Ciri-ciri Murid Program Pemulihan Khas	29
2.4	Kemahiran Mengenal Huruf	30
2.4.1	Kemahiran Mendsikriminasi Huruf yang Sama	31
2.5	Kaedah LISENTU	31
2.5.1	Aktiviti Lihat (LI)	32
2.5.2	Aktiviti Sentuh (SEN)	33
2.5.3	Aktiviti Tulis (TU)	34
2.6	Perspektif Murid Program Pemulihan Khas	35
2.6.1	Persepsi dan Minat	36
2.7	Kajian-kajian Lepas	37
2.8	Rumusan	40
BAB 3	KAEDAH METODOLOGI	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Prosedur Kajian	43
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	45
3.4.1	Populasi	45
3.4.2	Persampelan Kajian	46
3.4.3	Saiz Sampel	47
3.5	Instrumen Kajian	47
3.5.1	Protokol Temu Bual	48
3.5.2	Lembaran Kerja dan Latihan Ejaan	49
3.6	Pengumpulan Data	50
3.6.1	Kaedah Temu Bual	50
3.6.2	Kaedah Analisis Dokumen	52

3.7	Analisis Data	52
	3.7.1 Analisis Tematik	53
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	55
	3.8.1 Kaedah Triangulasi	56
3.9	Etika Penyelidikan	57
3.10	Rumusan	59
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	60
4.1	Pengenalan	60
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	60
	4.2.1 Huraian Latar Belakang Peserta Kajian	61
4.3	Dapatan Hasil Temu Bual	61
	4.3.1 Minat Murid Program Pemulihan Khas Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kelas Pemulihan Yang Menggunakan Kaedah LISENTU	62
	4.3.1.1 Tema “Tingkah Laku Positif”	63
	4.3.2 Persepsi Murid Program Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan Kaedah LISENTU	64
	4.3.2.1 Tema “Perasaan Positif”	64
	4.3.3 Kesan Penggunaan Kaedah LISENTU Terhadap Peningkatan Kemahiran Mendiskriminasi Huruf Kecil b Dan d Dalam Kalangan Murid Program Pemulihan Khas	65
	4.3.3.1 Tema “Mengecam Huruf Dengan Betul”	65
	4.3.3.2 Tema “Menyebut Huruf Dengan Betul”	66
	4.3.3.3 Tema “Menulis Huruf Dengan Cara Yang Tepat”	66
4.4	Dapatan Analisis Dokumen	67
	4.4.1 Set Lembaran Kerja	68
	4.4.2 Latihan Ejaan	70
4.5	Rumusan	73

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan	74
5.3	Perbincangan	75
5.3.1	Minat Murid Program Pemulihan Khas Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kelas Pemulihan Yang Menggunakan Kaedah LISENTU	75
5.3.2	Persepsi Murid Program Pemulihan Khas Terhadap Penggunaan Kaedah LISENTU	76
5.3.3	Kesan Penggunaan Kaedah LISENTU Terhadap Peningkatan Kemahiran Mendiskriminasi Huruf Kecil b Dan d Dalam Kalangan Murid Program Pemulihan Khas	77
5.4	Implikasi	79
5.4.1	Implikasi Teoritikal	79
5.4.2	Implikasi Praktikal	81
5.5	Limitasi Kajian	82
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	82
5.7	Penutup	84
RUJUKAN		85

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Proses Penggunaan Kaedah LISENTU	44
Jadual 4.1	Taburan Bilangan Peserta Kajian Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Mengikut Umur dan Jantina	61
Jadual 4.2	Jadual Matriks Penggunaan Tema Kajian	62

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Komponen Pembinaan Kaedah LISENTU	13
Rajah 1.2	Penggunaan Kategori dalam Tiga Domain Utama Model Pembelajaran Taksonomi Bloom	15
Rajah 1.3	Kerangka Kajian Yang Menggabungkan Teori Perkembangan Kognitif Dan Model Pembelajaran Taksonomi Bloom	16
Rajah 1.4	Kerangka konsep kajian	17
Rajah 3.1	Carta Aliran Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	46
Rajah 4.1	Hasil Dua Set Lembaran Kerja Peserta Kajian A Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	68
Rajah 4.2	Hasil Dua Set Lembaran Kerja Peserta Kajian B Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	69
Rajah 4.3	Hasil Dua Set Lembaran Kerja Peserta Kajian C Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	69
Rajah 4.4	Hasil Dua Set Lembaran Kerja Peserta Kajian D Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	70
Rajah 4.5	Hasil Latihan Ejaan Peserta Kajian A Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	71
Rajah 4.6	Hasil Latihan Ejaan Peserta Kajian B Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	71
Rajah 4.7	Hasil Latihan Ejaan Peserta Kajian C Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	72
Rajah 4.8	Hasil Latihan Ejaan Peserta Kajian D Selepas Tiga Bulan Kaedah LISENTU dijalankan	72

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
LINUS	-	Literasi dan Numerasi
SKM	-	Sekolah Kurang Murid
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
BPK	-	Bahagian Pendidikan Khas
DBP	-	Dewan Buku Pustaka

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Protokol Temu Bual Sampel Kajian	88
Lampiran B	Contoh Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Proses Penggunaan Kaedah LISENTU (Set 1)	89
Lampiran C	Contoh Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Proses Penggunaan Kaedah LISENTU (Set 2)	90
Lampiran D	Kertas Latihan Ejaan	91
Lampiran E	Reka Bentuk Periskop Misteri	92
Lampiran F	Transkrip Temu Bual Dengan Peserta Kajian A	95
Lampiran G	Transkrip Temu Bual Dengan Peserta Kajian B	99
Lampiran H	Transkrip Temu Bual Dengan Peserta Kajian C	101
Lampiran I	Transkrip Temu Bual Dengan Peserta Kajian D	106

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini, sekelompok murid masih lemah dalam pembelajaran di sekolah rendah. Golongan murid ini terdiri daripada murid yang lemah dalam kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Sebenarnya, ada antara mereka yang mempunyai ciri-ciri keperluan khas mengikut kategori kebajikan masyarakat. Ciri-ciri masalah pembelajaran seperti dileksia merupakan masalah yang paling ketara wujud dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas (Ramasamy, 2008). Di sekolah, mereka tidak diasingkan mengikut kategori kelemahan. Oleh itu, mereka perlu mengikuti pengajaran secara biasa di dalam kelas seperti murid perdana yang lain. Menurut Ramasamy (2008), kelemahan dalam menguasai kemahiran asas menyebabkan mereka mudah tercicir dan ketinggalan dalam pembelajaran. Bagi mengatasi masalah ini, satu program yang dikenali sebagai Program Pemulihan Khas telah diperkenalkan.

Program Pemulihan Khas diperkenalkan khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1960-an di setiap sekolah rendah di seluruh Malaysia. Program ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran, iaitu masalah dalam menguasai kemahiran 3M yang merangkumi kemahiran membaca, menulis dan mengira. Program ini diperkenalkan di bawah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983. Kurikulum ini merupakan usaha untuk kembali semula kepada asas pendidikan dengan mengutamakan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) (KPM, 2019).

Selari dengan hasrat dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Program Pemulihan Khas telah diperkasakan dengan menaik taraf kelas Pemulihan Khas dan menyediakan Guru Pemulihan Khas terlatih yang mencukupi

termasuk di Sekolah Kurang Murid (SKM). Kelas Pemulihan Khas merupakan sebuah bilik khas diwujudkan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Program Pemulihan Khas kepada murid Program Pemulihan Khas. Guru Pemulihan Khas pula merupakan guru yang mempunyai kepakaran yang khusus bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran asas 3M (BPK, 2012).

Untuk merealisasikan tujuan pembasmian masalah 3M dalam kalangan murid sekolah rendah, Program Pemulihan Khas memberi fokus kepada pengajaran kemahiran asas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik. Dengan ini, Program Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperkenalkan pada bulan 2009 untuk melancarkan pengajaran di bawah Program Pemulihan Khas. Literasi dalam LINUS merujuk kepada Bahasa Melayu, manakala Numerasi dalam LINUS merujuk kepada Matematik. Pelaksanaan program LINUS mensasarkan 100% murid tahun 3 menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum ke tahun 4 mulai tahun 2013 kecuali murid berkeperluan khas (BPK, 2012). Walaupun Program Pemulihan Khas dibuka kepada semua murid sekolah rendah, tetapi keutamaan diberi kepada murid sekolah rendah tahap satu, iaitu murid tahun 1 hingga tahun 3.

Murid Program Pemulihan Khas dikenal pasti berdasarkan carta aliran pelaksanaan Program Pemulihan Khas (BPK, 2012). Murid di kelas perdana yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau mata pelajaran Matematik dikenal pasti oleh guru kelas atau guru mata pelajaran. Selepas itu, murid tersebut perlu menjalani ujian Saringan LINUS untuk memastikan kelayakan mengikuti Program Pemulihan Khas. Dalam ujian saringan LINUS, sejumlah 32 kemahiran pemulihan dalam bahagian literasi dan sejumlah 9 kemahiran pemulihan dalam bahagian numerasi perlu dikuasai oleh murid yang dicalonkan untuk melepassi ujian saringan LINUS. Murid yang gagal dalam ujian saringan LINUS dipilih sebagai murid Program Pemulihan Khas. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1984), murid Program Pemulihan Khas merupakan murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu, bersifat negatif terhadap pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjelaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan diri (BPK, 2012).

Murid Program Pemulihan Khas dibahagikan kepada murid Program Pemulihan Khas Literasi, iaitu lemah dalam kemahiran membaca dan menulis, dan murid Program Pemulihan Khas Numerasi, iaitu lemah dalam kemahiran mengira. Guru Program Pemulihan Khas perlu menyediakan rancangan pengajaran individu untuk mengajar murid-murid Program Pemulihan Khas mengikut tahap penguasaan setiap individu. Rancangan Pengajaran Individu disediakan dengan merujuk kepada Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pemulihan Khas (Tahun 2019) untuk mengajar murid Program Pemulihan Khas Literasi, manakala merujuk kepada Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Pemulihan Khas (Tahun 2019) untuk mengajar murid Program Pemulihan Khas Numerasi.

Pengajaran di dalam kelas Pemulihan Khas dijalankan berdasarkan sistem pengunduran atau penarikan “*withdrawal system*” (Samsudin, 2017). Dalam sistem ini, murid Program Pemulihan Khas dikeluarkan dari kelas biasa pada waktu mata pelajaran Bahasa Melayu atau Matematik untuk mengikuti sesi pengajaran di kelas Pemulihan Khas yang dikendalikan oleh guru Pemulihan Khas. Jumlah murid Program Pemulihan Khas dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran hendaklah tidak melebihi 15 orang (BPK, 2012). Dalam kelas Pemulihan Khas, mereka bukan sahaja diajar pembelajaran biasa, malah kelemahan mereka juga dipulihkan dengan kaedah pengajaran yang spesifik. Selepas melepas ujian saringan LINUS dan berjaya menguasai kemahiran asas 3M, mereka tidak perlu menghadiri ke kelas Pemulihan Khas lagi.

Murid Program Pemulihan Khas mempunyai ciri-ciri tertentu daripada aspek emosi dan tingkah laku, sosial, kesediaan belajar, kesihatan dan pengamatan. Samsudin (2017) menjelaskan bahawa murid Program Pemulihan Khas mudah berasa risau dan rendah diri dalam aspek emosi dan tingkah laku. Dalam kelas perdana, mereka mudah berasa rendah diri disebabkan keupayaan mereka dalam pembelajaran tidak setaraf dengan rakan-rakan lain. Mereka juga mempunyai kosa kata yang terhad dan lemah dalam pembelajaran yang bersifat kefahaman. Semasa belajar di kelas Pemulihan Khas, murid Program Pemulihan Khas sering kelihatan tidak bertenaga dan mudah hilang fokus dalam pembelajaran. Mereka selalu tidak hadir ke sekolah.

Selain itu, murid Program Pemulihan Khas mengalami kelemahan dari aspek pengamatan. Masalah ini disebabkan oleh daya pemikiran yang lemah. Mereka sukar mengingat kembali perkara-perkara yang pernah dipelajari. Seterusnya, kelemahan dalam daya pemikiran menyebabkan mereka sukar untuk mendiskriminasi huruf yang hampir sama. Kesukaran ini paling kerap berlaku semasa mereka keliru dengan bentuk huruf yang hampir sama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu seperti bentuk huruf kecil b dan d. Kesukaran ini mempengaruhi kebolehan membaca dan menulis. Samsudin (2017) mendefinisikan kemahiran membaca sebagai satu proses yang kompleks kerana melibatkan penggunaan kemahiran mengamati, mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi secara serentak. Kelemahan dalam daya pemikiran menyukarkan pemprosesan minda mereka untuk mengintergrasi pelbagai kemahiran secara serentak. Kesannya, murid Program Pemulihan Khas selalu melakukan kesilapan dalam membaca dan menulis suku kata dan perkataan yang dipelajari.

Kesimpulannya, kemahiran mendiskriminasi huruf yang hampir sama merupakan kelemahan yang sering dijumpai dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas. Kelemahan ini membawa kesan yang kritikal dalam pembelajaran mereka. Mereka didapati mengambil masa yang panjang untuk mendiskriminasi huruf yang seakan-akan sama bentuk. Hal ini memberi impak yang besar kepada mereka dan menyebabkan keyakinan diri mereka dalam pembelajaran semakin rendah. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk memperbaiki perspektif murid Program Pemulihan Khas terhadap pembelajaran kemahiran mendiskriminasi huruf yang hampir sama dengan kaedah LISENTU yang menarik.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sejak 1960-an, Program Pemulihan Khas telah diperkenalkan khas dengan menyediakan guru yang terlatih dan kelas Pemulihan khas di setiap sekolah rendah untuk melahirkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berkesan kepada murid Program Pemulihan Khas. Kesukaran yang amat ketara dialami oleh murid Program Pemulihan Khas ialah kebolehan membaca dan menulis. Kesukaran ini

disebabkan oleh kelemahan dalam mendiskriminasi huruf yang hampir sama bentuk. Kesukaran ini telah mengehadkan tahap penguasaan mereka ke kemahiran pemulihan yang selanjutnya seperti kemahiran membaca suku kata dan perkataan.

Kebelakangan ini, kajian-kajian yang berfokus untuk mengubah pandangan murid Program Pemulihan Khas terhadap kesukaran yang dialami dalam pembelajaran telah dijalankan oleh para pendidik agar menjadi lebih positif. Para pengkaji membuat kajian dengan menggunakan kaedah pengajaran, bahan bantu mengajar (BBM), teori pengajaran dan strategi pembelajaran untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran asas membaca dan menulis dalam kalangan murid pemulihan khas. Kesukaran yang dialami oleh murid Program Pemulihan Khas mendapat perhatian dan fokus dalam bidang pendidikan supaya kesukaran mereka boleh diatasi dengan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai.

Kajian yang bertajuk ‘Mengenal dan Menulis Huruf B dan D Melalui Kaedah LEGOTU bagi Murid Pemulihan’ oleh Lim Ai Wen dan Dr. Zanaton Hj Iksan (2019) telah membuktikan keberkesanan penggunaan kaedah campuran dalam membantu murid pemulihan. Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu murid pemulihan dapat mengenal dan menulis huruf abjad b dan d melalui kaedah LEGOTU. Dapatkan kajian ini menunjukkan kaedah LEGOTU dapat membantu murid mengenal huruf b dan d melalui ‘lekat dengan fokus’, ‘lekat dengan kemas’, ‘lekat ikut urutan bentuk’, ‘lekat dengan cepat’, ‘gores dengan cepat’, dan ‘gores dengan berhati-hati’ sehingga murid dapat menyebut huruf b dan d dengan betul dan sebutan yang jelas. Kaedah ini juga membantu murid menulis huruf b dan d dengan ‘betul’ dan ‘kemas’ dalam lembaran kerja dan buku bertulis.

Selain itu, kajian yang bertajuk ‘Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran Murid Pemulihan Khas’ telah membincangkan keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran yang berbeza untuk meningkatkan penguasaan murid pemulihan dalam subjek yang diajar. Pengkaji menggunakan kaedah pengajaran tradisional, kaedah bahan bantu mengajar tanpa ICT dan kaedah bahan bantu mengajar dengan ICT untuk melihat tahap pencapaian murid-murid pemulihan. Responden kajian terdiri daripada 90 orang murid Pemulihan Khas Tahun 2 yang telah dipilih oleh guru

pemulihan berdasarkan tahap penguasaan kemahiran asas yang diuji. Pemilihan murid dalam kajian ini adalah berdasarkan skor ujian pra yang mereka jalani. Ujian pra tersebut meliputi kemahiran membaca dan menulis.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara kaedah pengajaran yang digunakan. Semua skor murid dikumpul mengikut kaedah pengajaran. Bagi kaedah penggunaan BBM tanpa ICT, skor perbezaan yang tertinggi dapat dilihat dalam ujian pos bagi kumpulan lima orang murid iaitu sebanyak 48.60 berbanding kumpulan 10 dan 15 orang murid yang lain. Bagi pengajaran kaedah BBM dengan ICT pula, kumpulan 10 orang murid mencatatkan perbezaan yang ketara iaitu 71.10 berbanding 5 orang murid (31.60) dan 15 orang murid (22.73). Skor pasca kumpulan sepuluh orang menggunakan kaedah pengajaran BBM dengan ICT adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan lain. Kajian ini disokong oleh kajian yang hamper sama dijalankan oleh Charlie (2008) ke atas lima orang guru dan lima belas orang pelajar pendidikan pemulihan di lima buah sekolah daerah Serian mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan mendapati bahawa prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar sebelum dan selepas penggunaan alat bantu mengajar dalam kemahiran asas bacaan amatlah ketara.

Masalah tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam kalangan murid pemulihan khas masih menjadi kekangan besar kepada murid Program Pemulihan Khas untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Antara masalah yang amat kritikal ialah masalah tidak menguasai kemahiran mengecam huruf-huruf Bahasa Melayu dengan betul. Menurut Jamila (2007), sistem Ejaan Baharu Bahasa Melayu menggunakan sebanyak 26 huruf abjad tulisan Rumi. Antara 26 huruf abjad, terdapat 6 huruf vokal atau bunyi vokal standard dalam bahasa Melayu, 3 jenis huruf diftong dan 26 huruf konsonan termasuk 5 huruf gabungan. Huruf-huruf kecil b dan d termasuk sebagai huruf konsonan dalam Bahasa Melayu. Pencantuman huruf-huruf boleh membentuk pelbagai imbuhan, suku kata, perkataan yang bermakna dan berguna yang boleh digunakan dalam pertuturan sehari-hari. Kegagalan menguasai kemahiran mengecam

dan menulis bentuk huruf kecil b dan d telah menyukarkan murid pemulihan untuk belajar imbuhan, suku kata, perkataan dalam bahasa Melayu.

Pengkaji dalam penyelidikan ini berkhidmat sebagai guru Program Pemulihan Khas terlatih di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sepanjang perkhidmatan saya sebagai guru pemulihan, saya memerhati empat orang murid Program Pemulihan Khas tahap rendah menghadapi kesukaran dalam mendiskriminasi huruf kecil b dan d semasa menjawab soalan ujian diagnostik. Mereka juga selalu membaca dan menulis perkataan yang mengandungi huruf kecil b dan d dengan salah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti kaedah ‘Kiri dan Kanan’ dan kaedah ‘Membentuk Huruf dengan Postur Badan’ untuk mengatasi kesukarannya supaya dia mampu mengingat dan mengenal bentuk huruf kecil b hingga d. Namun begitu, kedua-dua kaedah tersebut kurang berkesan.

Pengkaji telah memerhati reaksi murid Program Pemulihan Khas sepanjang sesi pengajaran yang melibatkan penggunaan kaedah pengajaran ‘Kiri dan Kanan’ dan kaedah ‘Membentuk Huruf dengan Postur Badan’. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, dia bertindak pasif dan kurang minat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi, kaedah pengajaran ini menunjukkan keputusan yang kurang berkesan selepas 3 kali digunakan dan kesukarannya dalam mendiskriminasi huruf kecil b dan d tidak dapat diatasi. Kesannya, dia berasa kecewa dan kurang yakin untuk mempelajari kemahiran tersebut.

Oleh itu, satu kaedah baharu yang bernama kaedah LISENTU yang merangkumi aktiviti lihat, sentuh dan tulis telah dicipta sejak tahun lepas, tetapi belum dikaji dari segi kesan dan pengaruh terhadap minat murid Program Pemulihan Khas dan tahap peningkatan kemahiran mendiskriminasi huruf b dan d dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas. Pembinaan kajian berbeza dengan kajian-kajian lepas kerana kajian ini menilai minat dan perspektif murid-murid Program Pemulihan Khas sebagai kriteria pertama. Oleh itu, kaedah LISENTU telah dihasilkan untuk meningkatkan kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d

dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas dengan mempertimbangkan persepsi dan minat murid-murid Program Pemulihan Khas.

1.3 Pernyataan Masalah

Murid Program Pemulihan Khas mengalami masalah pembelajaran yang menyebabkan mereka sukar menguasai kemahiran asas 3M. Mereka mudah tercicir dalam pelajaran dan memerlukan pengajaran khas untuk membetulkan kelemahan ini. Namun begitu, mereka adalah berbeza dengan murid-murid Pendidikan Khas. Murid Program Pemulihan Khas mengikuti pengajaran di kelas biasa dan mengikuti pengajaran di kelas Pemulihan Khas pada waktu mata pelajaran yang tertentu sahaja mengikut Sistem Pengunduran, tetapi murid Pendidikan Khas mengikut pengajaran di kelas Pendidikan Khas.

Kebanyakan murid Program Pemulihan menghadapi masalah yang ketara dalam mendiskriminasi huruf yang hampir sama. Berdasarkan Buku Panduan Pengajaran Bahasa Melayu Pemulihan Khas (2019), pembelajaran huruf berada di kemahiran pemulihan pertama daripada 32 kemahiran pemulihan, iaitu asas kepada kemahiran pemulihan. Kegagalan mendiskriminasi huruf b dan d mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam kemahiran pemulihan yang seterusnya. Oleh itu, kesukaran ini perlu diatasi dengan cara yang sesuai dan berkesan.

Kesukaran mendiskriminasi huruf yang hampir sama dijumpai dalam kajian “Mengenal dan Menulis Huruf b dan d Melalui Kaedah LEGOTU bagi Murid Pemulihan” yang dihasilkan oleh Lim Ai Wen dan Dr. Zanaton Hj Iksan pada tahun 2019. Kesukaran mendiskriminasi huruf yang hampir sama bentuk seperti b, d, p, q, m dan n dijumpai dalam kajian “Belajar Kemahiran Mengenal Huruf Menggunakan Aktiviti Membentuk Doh” yang dihasilkan oleh Noor Aini Ahmad pada tahun 2015. Dalam kajian itu, murid Program Pemulihan Khas mengalami kesukaran dalam kemahiran membaca yang disebabkan oleh kelemahan dalam kemahiran mengenal huruf-huruf yang seakan-akan sama.

Namun begitu, aktiviti-aktiviti pengajaran yang dijalankan dalam kajian di atas mempunyai kelemahan-kelemahan yang perlu dielakkan dan mempunyai beberapa aspek yang sewajarnya ditambahbaikkan. Dari aspek masa, aktiviti yang dijalankan memerlukan masa yang panjang. Contohnya, murid Program Pemulihan Khas menggunakan masa yang panjang dalam melengkapkan aktiviti menggores kertas dan aktiviti membentuk doh. Mereka cepat hilang minat dan tumpuan dalam tugas yang lama. Samsudin (2017) menyatakan bahawa murid Program Pemulihan Khas menunjukkan ciri-ciri kebolehan mengekalkan daya tumpuan yang rendah. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan dalam kajian di atas kurang bersesuaian dijalankan dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas. Seterusnya, bahan-bahan yang digunakan dalam aktiviti membentuk doh tidak tahan lama dan tidak boleh dipakai semula. Menurut Ja'afar (2017), bahan bantu mengajar (BBM) yang berkualiti perlu mempunyai ciri-ciri tahan lama dan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran. Doh yang dihasilkan tidak boleh disimpan lama dan dijadikan bahan bantu mengajar semula dalam sesi pengajaran yang seterusnya. Samsudin (2017) menjelaskan bahawa murid Program Pemulihan Khas mempunyai daya ingatan yang lemah dan menyebabkan mereka memerlukan pengajaran secara berulangan. Jadi, aktiviti membentuk doh kurang berkesan dalam pengajaran Program Pemulihan Khas yang memerlukan pengulangan yang kerap.

Oleh itu, satu kaedah yang dikenali sebagai kaedah LISENTU telah dihasilkan untuk mengatasi kelemahan murid Program Pemulihan Khas dalam kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d oleh pengkaji. Tujuan utama kaedah ini adalah untuk mengenal pasti persepsi murid Program Pemulihan Khas dari segi minat terhadap kaedah LISENTU, sambil meningkatkan kemahiran mendiskriminasi huruf b dan d dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas. Kaedah LISENTU merupakan singkatan kepada ‘Lihat, Sentuh dan Tulis’. Menurut Dalecki (2007), kaedah VAKT digunakan untuk membantu murid untuk mempelajari perkataan dengan rangsangan deria-deria badan, iaitu melihat, menyebut, mendengar dan menyentuh perkataan mengukuhkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap perkataan yang dipelajari. Pandangan Dalecki juga disokong dalam Buku Panduan Pengajaran Bahasa Melayu Pemulihan Khas (2019).

Namun begitu, belum ada kajian yang mengkaji keberkesanannya. Kajian seumpama ini adalah amat penting sebelum kaedah ini dapat dimanfaatkan oleh guru dan murid dan dapat disebarluaskan dalam kelas Pemulihan Khas. Oleh itu, pengkaji telah merancang tiga jenis aktiviti dalam kaedah LISENTU yang melibatkan deria penglihatan, sentuhan dan pergerakan jari dan tangan untuk membantu peserta kajian mendiskriminasi huruf kecil b dan d.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini merangkumi beberapa objektif seperti yang dinyatakan ini:

- i. Mengenal pasti minat murid Program Pemulihan Khas dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan yang menggunakan kaedah LISENTU.
- ii. Menganalisis persepsi murid Program Pemulihan Khas terhadap penggunaan kaedah LISENTU.
- iii. Menganalisis kesan penggunaan kaedah LISENTU terhadap kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi merealisasikan objektif-objektif yang telah dinyatakan, satu kajian dijalankan untuk mencari jawapan untuk soalan berikut:

- i. Bagaimanakah murid Program Pemulihan Khas menjelaskan minat mereka menggunakan kaedah LISENTU dalam membantu mereka mendiskriminasi huruf b dan d?

- ii. Apakah persepsi murid Program Pemulihan Khas terhadap penggunaan kaedah LISENTU selepas menggunakan kaedah ini dalam proses pembelajaran?
- iii. Bagaimanakah kesan penggunaan kaedah LISENTU terhadap kemahiran mendiskriminasi huruf b dan d dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberi sumbangan yang bermakna dan kepentingan secara am terhadap penyelidikan dan pengetahuan dalam bidang pendidikan khasnya dalam bidang Pemulihan Khas. Oleh itu, dapatan kajian ini amat penting dijadikan panduan kepada pihak tertentu seperti di bawah.

Kajian ini penting kepada murid-murid Program Pemulihan Khas. Sepanjang saya berkhidmat sebagai guru Program Pemulihan Khas, saya memerhati kebanyakan murid Program Pemulihan Khas mengalami masalah dalam mendiskriminasi huruf yang hampir sama dalam proses pembelajaran. Contohnya, bentuk huruf kecil b dan d dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kaedah ini mengandungi bahan bantu mengajar (BBM) yang boleh memudahkan kefahaman mereka.

Kajian ini penting kepada guru-guru Program Pemulihan Khas dan guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Kaedah LISENTU merupakan satu set gabungan pengajaran yang membekalkan langkah-langkah yang jelas untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran guru dalam kelas sekiranya guru menemui murid yang mengalami masalah mendiskriminasi huruf yang hampir sama dalam kelas. Bahan bantu mengajar yang dibekalkan dalam kaedah ini membantu guru-guru menarik perhatian murid-murid dalam proses pengajaran sambil meningkatkan kefahaman secara konkret murid-murid.

Kajian ini penting kepada golongan ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak berumur antara 7 tahun hingga 12 tahun. Bahan pembelajaran konkrit dalam kaedah LISENTU sesuai digunakan sebagai bahan pembelajaran kanak-kanak dalam golongan umur ini kerana mereka perlu mempelajari sesuatu kemahiran dengan berpandukan bahan konkrit seperti bahan bantu belajar yang dapat dipegang dan dilihat. Menurut Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dalam buku Perkembangan Kanak-kanak, kanak-kanak pada peringkat operasi konkrit, iaitu dari umur 7 hingga 11 tahun mempunyai pemikiran yang terikat dengan situasi konkrit (Haliza dan Samuel, 2011).

1.7 Kerangka Teori


Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasi Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget untuk membina aktiviti pengajaran dalam kaedah LISENTU dan Model Pembelajaran Taksonomi Bloom untuk menilai hasil pembelajaran kajian ini.

Menurut Eggen dan Kauchak (2016), Piaget berpendapat bahawa pemprosesan maklumat dalam minda adalah konsisten dengan pengetahuan sedia ada dalam setiap individu. Kanak-kanak mempelajari ilmu pengetahuan baru berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka. Proses pembelajaran ini membantu pencapaian keseimbangan kognitif secara teratur. Apabila pengetahuan baharu tidak dapat dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada, keseimbangan kognitif terganggu dan pemprosesan maklumat dalam minda perlu dijalankan semula. Pemprosesan ini meningkatkan daya pemikiran untuk mempelajari pengetahuan yang lebih canggih.

Pembelajar berusaha secara aktif untuk mengerti sesuatu tersebut seperti mencari pengalaman, mencari informasi dan menyelesaikan masalah untuk mencapai sesuatu tujuan. Teori belajar kognitif pula merupakan gabungan dan pandangan psikologi behavioristik dan psikologi humanistik. Menurut Piaget, proses belajar melibatkan proses berfikir yang sangat kompleks. Proses belajar terjadi menurut pola peringkat-peringkat perkembangan tertentu. Menurut teori ini, perkembangan kognitif kanak-kanak dibahagikan kepada empat peringkat yang sesuai dengan usia

dan umur kanak-kanak. Piaget berpendapat bahawa pengetahuan dibentuk dan dibangunkan oleh fikiran individu. Pengetahuan dibangunkan dalam tiga bentuk, iaitu pengetahuan fizikal, pengetahuan logikal dan pengetahuan sosial. Proses pembelajaran pengetahuan pula dibahagikan kepada fasa eksplorasi, fasa mengenal konsep dan fasa aplikasi konsep. Fasa mengenal konsep berlaku dalam kajian ini.

Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dijadikan panduan pembinaan aktiviti-aktiviti pengajaran dalam kaedah LISENTU. Rajah 1.1 menunjukkan 4 peringkat teori perkembangan kognitif Jean Piaget dan komponen pembinaan kaedah LISENTU.



Rajah 1.1 Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Komponen Pembinaan Kaedah LISENTU

Berdasarkan Teori Perkembangan Kognitif, kaedah LISENTU dibina berpandukan peringkat ketiga, iaitu peringkat operasi konkrit (7-11 tahun). Dalam peringkat ini, pembelajaran berkesan masih bergantung kepada bahan-bahan konkrit dan pengalaman secara langsung. Konsep ini dimasukkan sebagai panduan untuk merancang aktiviti-aktiviti kemahiran dalam kaedah LISENTU. Contohnya, perancangan aktiviti menggunakan bahan bantu belajar (BBM), Periskop Misteri dalam kemahiran melihat, perancangan aktiviti menyentuh kad huruf kecil b dan d

dalam kemahiran menyentuh, dan perancangan aktiviti menulis huruf kecil b dan d pada kertas garis tiga dirancang mengikut konsep belajar bergantung kepada bahan konkret.


Model Pembelajaran Taksonomi Bloom diperkenalkan oleh Benjamin Samuel Bloom pada tahun 1956 yang merupakan sebuah model kerangka keupayaan berfikir. Selepas itu, model ini diperbaiki oleh Lorin Anderson Krathwohl pada tahun 2001 dan dikenali sebagai revisi Taksonomi Bloom (Anderson dan Krathwohl, 2001). Model pembelajaran ini memberi fokus kepada hubungan antara matlamat pembelajaran dengan perubahan tingkah laku untuk mencapai hasil pembelajaran (Hayati, 2017). Dalam kajian ini, model Pembelajaran Taksonomi Bloom digunakan untuk menilai hasil pembelajaran kajian.

Model Pembelajaran Taksonomi Bloom merangkumi tiga domain utama yang terdiri daripada domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor. Domain kognitif merujuk kepada aspek pengetahuan, domain afektif memberi fokus kepada aspek sikap dan domain psikomotor pula merujuk kepada aspek kemahiran. Domain kognitif merangkumi 6 kategori, domain afektif merangkumi 5 kategori dan domain psikomotor merangkumi 7 kategori. Kategori-kategori dalam setiap domain dijadikan panduan kepada tahap keupayaan dalam sesuatu bidang. Setiap kategori mempunyai kata kerja tertentu sebagai tanda pencapaian.

Anderson dan Krathwohl (2001) menjelaskan bahawa domain kognitif merangkumi kategori mengingat, kategori memahami, kategori menerapkan, kategori menganalisis, kategori menilai dan kategori mencipta. Kategori dalam domain kognitif dibahagikan kepada dua aras mengikut tahap kesukaran. Kategori aras rendah terdiri daripada kategori mengingat, kategori memahami dan kategori menerapkan, manakala kategori aras tinggi terdiri daripada kategori menganalisis, kategori menilai dan kategori mencipta. Selain itu, Hayati (2017) mengemukakan lima kategori dalam domain afektif yang terdiri daripada kategori penerimaan, kategori responsif, kategori pemberian nilai, kaegori organisasi dan kategori karakterisasi. Tujuh domain psikomotor pula terdiri daripada kategori persepsi,

kategori kesiapan, kategori respon yang diarahkan, kategori mekanisme, kategori tindak balas kompleks, kategori adaptasi dan kategori penciptaan.

Model Pembelajaran Taksonomi Bloom dijadikan panduan untuk menilai hasil pembelajaran selepas proses penggunaan kaedah LISENTU dijalankan. Rajah 1.2 menunjukkan penggunaan kategori dalam tiga domain utama Model Pembelajaran Taksonomi Bloom.




Rajah 1.2 Penggunaan Kategori dalam Tiga Domain Utama Model Pembelajaran Taksonomi Bloom

Berdasarkan Rajah 1.2, pengkaji hanya mengaplikasi kategori aras rendah kerana murid Program Pemulihan Khas mempunyai tahap kognitif yang rendah. Pengkaji menggunakan kategori aras rendah dalam domain kognitif untuk menilai tahap peningkatan kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas. Menurut Hayati (2017), kata kerja yang spesifik perlu ditunjukkan untuk membuktikan penguasaan dalam kategori tersebut. Contohnya, kata kerja menggambarkan dan menyatakan perlu wujud dalam kategori

mengingat. Kata kerja menerangkan dan menjelaskan wujud dalam kategori memahami. Kata kerja menggunakan dan melengkapinya digunakan dalam kategori menerapkan.


Pengkaji hanya mengaplikasi dua kategori dalam domain afektif untuk menilai minat murid Program Pemulihan Khas terhadap kaedah LISENTU selepas proses penggunaan kaedah LISENTU. Dua kategori tersebut terdiri daripada kategori penerimaan dan kategori responsif. Kategori penerimaan merangkumi kata kerja memberi perhatian dan mengikuti manakala kategori responsif pula merangkumi kata kerja melakukan dan membantu. Seterusnya, pengkaji hanya menggunakan kategori persepsi dalam domain psikometrik untuk menilai persepsi murid Program Pemulihan Khas terhadap kaedah LISENTU. Kata kerja memilih dan menghubungkan perlu wujud dalam kategori persepsi.



Rajah 1.3 Kerangka Kajian Yang Menggabungkan Teori Perkembangan Kognitif Dan Model Pembelajaran Taksonomi Bloom

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Pengkaji membangunkan kerangka konsep kajian untuk mengaitkan pembolehubah yang paling relevan dengan soalan kajian. Rajah 1.3 menunjukkan gambar rajah visual kerangka konsep kajian mengenai pembolehubah dalam kajian ini.



Rajah 1.4 Kerangka konsep kajian

Kerangka konsep kajian ini terdiri daripada lima komponen utama, iaitu kaedah LISENTU, perubahan pedagogi dengan penggunaan kaedah LISENTU, minat murid Program Pemulihan Khas, persepsi murid Program Pemulihan Khas dan peningkatan kemahiran mendiskriminasi huruf b dan d. Anak panah dalam rajah mewakili hubungan atau pengaruh antara komponen.

1.9 Skop Kajian

Pengkaji telah menetapkan beberapa skop kajian. Kajian ini merupakan sebuah kajian tindakan. Oleh itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah instrumen protokol temu bual, analisis dokumen dan analisis pemerhatian. Soalan temu bual mengandungi soalan yang berkaitan dengan persepsi dan pengalaman sampel kajian selepas proses penggunaan kaedah LISENTU. Analisis dokumen pula merangkumi lembaran kerja dan buku ejaan sampel kajian sebelum dan selepas setiap tindakan dijalankan. Analisis pemerhatian merupakan rakaman proses penggunaan kaedah LISENTU. Kajian ini hanya melibatkan sampel kajian yang

terdiri daripada seorang murid Program Pemulihan Khas di daerah Batu Pahat, Johor. Sampel kajian menjalankan tiga sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah LISENTU pada masa yang berbeza.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya berfokus kepada kaedah pengajaran terhadap murid Program Pemulihan Khas di sekolah rendah terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Pemulihan Khas. Kajian ini berbentuk kualitatif dan hanya melibatkan seorang murid Program Pemulihan Khas sebagai sampel kajian sahaja. Oleh itu, hasil kajian ini dibataskan kepada murid Program Pemulihan Khas sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan kepada semua murid sekolah rendah.

1.11 Definisi Istilah

Beberapa istilah dalam kajian ini diberi definisi seperti berikut.

1.11.1 Kaedah LISENTU: Kaedah pengajaran yang mengandungi tiga aktiviti dalam satu kaedah pengajaran. Menurut Siswazah (2018), kaedah pengajaran merujuk kepada pendekatan, amalan dan aktiviti di dalam atau di luar kelas yang berkaitan dengan sesuatu mata pelajaran. Istilah ini merangkumi pendekatan pengajaran dalam kelas seperti pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran berasaskan penyelidikan, pembelajaran aktif atau pembelajaran berasaskan pengalaman.

Dalam kajian ini, kaedah LISENTU merupakan singkatan kepada Lihat-Sentuh-Tulis. Kaedah ini yang terdiri daripada 3 jenis kemahiran, iaitu LI, kemahiran lihat, SEN, kemahiran sentuh dan TU, kemahiran tulis. Setiap kemahiran merangkumi satu aktiviti yang spesifik. Contohnya, kemahiran LI merangkumi aktiviti melihat Periskop Misteri, kemahiran SEN merangkumi aktiviti menyentuh

kad huruf dan kemahiran TU pula merangkumi aktiviti menulis huruf. Contoh kaedah pengajaran yang terdiri daripada singkatan aktiviti dijumpai dalam kajian “Mengenal dan Menulis Huruf B dan D melalui Kaedah LEGOTU bagi Murid Pemulihan” (Wen, 2019).

1.11.2 Mendiskriminasi: Perlakuan mengecam sesuatu hal (BPK, 2012).

Dalam kajian ini, kemahiran mendiskriminasi merangkumi kemahiran menyebut, kemahiran menyebut dan kemahiran menulis. Kemahiran ini penting dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas untuk mengenal dan membezakan huruf kecil b dan d yang seakan-akan sama dengan betul.

1.11.3 Perspektif: Pandangan dan minat terhadap sesuatu melalui pergerakan anggota badan (Samsudin, 2017).

Perspektif dalam kajian merujuk kepada persepsi murid Program Pemulihan Khas selepas proses penggunaan kaedah LISENTU. Persepsi sampel kajian dicatat melalui kaedah temu bual dan dianalisis dalam dapatan kajian ini. Persepsi sampel kajian juga menentukan minatnya terhadap kaedah LISENTU. Rahim (2018) menjelaskan bahawa persepsi murid amat penting untuk meningkatkan motivasi serta memupuk minat mereka dalam mata pelajaran tersebut. Murid yang mempunyai persepsi negatif terhadap mata pelajaran tersebut berasa tidak seronok untuk belajar dan menganggap ilmu itu susah difahami.

1.11.4 Murid Program Pemulihan Khas: Murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu, bersifat negatif terhadap pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjelaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran (BPK, 2012).

Murid Program Pemulihan Khas dalam kajian ini merujuk kepada murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran asas membaca dan menulis. Kesukaran dalam pembelajaran yang amat ketara dijumpai dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas ialah kesukaran mendiskriminasi huruf kecil b dan d. Kajian ini dijalankan khas

untuk meningkatkan kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d dalam kalangan murid Program Pemulihan Khas.

1.12 Rumusan

Bab satu memberikan gambaran dan pengenalan kepada kajian ini. Dalam bab ini, latar belakang kajian dari segi masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid Program Pemulihan Khas. Seterusnya, bab ini menjelaskan objektif kajian dan berfokus untuk membantu murid pemulihan khas meningkatkan kemahiran mendiskriminasi huruf kecil b dan d. Bagi menetapkan metodologi kajian dalam bab yang seterusnya, dua soalan kajian dikemukakan. Bab satu juga menyatakan hipotesis kajian yang dinilai dalam bab yang seterusnya. Kepentingan kajian kepada murid Program Pemulihan Khas, guru Program Pemulihan Khas dan ibu bapa dibincangkan dalam bab ini, supaya kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan cara menyelesaikan masalah sebegini. Selain itu, kajian ini menyatakan batasan dan definisi istilah-istilah istimewa kepada pembaca kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad, N. A. (2015). Belajar Kemahiran Mengenal Huruf Menggunakan Aktiviti Membentuk Doh. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 71-80.
- Anderson dan Krathwohl. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing*. United States: Longman, Inc.
- Bradley, Danielson dan Hallahan. (2002). *Identification of Learning Disabilities*. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Creswell, Poth. (2017). *Qualitative Inquiry & Research Design Fourth Edition*. Los Angeles: SAGE.
- Damanhuri, Z. (2017). Perkembangan Main dalam Kalangan Kanak-kanak Awal. *Kurnal Sains Sosial Jilid 2*, 1-12.
- Dawson, D. C. (2009). *Introduction to Research Methods*. Oxford: How To Books Ltd.
- Dovigo, F. (2017). *Special Educational Needs and Inclusive Practices*. The Netherlands: Sense Publishers.
- Eggen dan Kauchak. (2016). *Educational Psychology*. London: Pearson.
- Flick, U. (2018). *Qualitative Data Collection*. London: SAGE Publication Ltd.
- Franklin, D. (2018). *Helping Your Child with Language-Based Learning Disabilities*. Oakland: New Harbinger Publications Inc.
- Ghazali, M. F. (2019). Kajian Self Efficacy Guru Interim di Kolej Vokasional Negeri Pulau Pinang. 1-121.
- Hafiz, N. F. (2019). Kajian terhadap Amalan Pelan Penggantian Organisasi di Malaysia. 1-122.
- Hamdan, R. b. (2011). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan Khas Murid Tahun Tiga di Daerah Kota Marudu. 1-19.
- Ibda, F. (2015). Perkembangan Kognitif: Teori Jean Piaget. *Intelektualita Volume 3*, 1-12.

- Ja'afar, F. b. (2017). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. 1-48.
- Johnson dan Christensen. (2014). *Education Research 5th Edition*. United State of America: SAGE Publications Inc.
- Kee, Y. H. (2019). Strategies and Challenges in Managing Students" Disruptive Behaviours among Primary Teachers.
- BPK (2012). *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kohler, R. (2008). *Jean Piaget*. London: Continuum International Publishing Group.
- KPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM. (2019). *Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leavy, P. (2017). *Research Design*. New York: The Guilford Press.
- Mahamod, Z. (2010). Masalah Membaca Murid-murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2), 77-85.
- Miles dan Huberman. (2014). *Qualitative Data Analysis 3rd Edition*. United States of America: SAGE Publications Inc.
- Osman, M. S. (2019). Kajian Cabaran Penerapan Pengajaran Kemahiran Abad ke 21 oleh Guru di Kolej Vokasional Negeri Perlis. 1-93.
- Pember, S. E. (2017). A Qualitative Application of The Integrated Model of Behavioral Prediction to Graduate Student Eating Behaviors. 1-219.
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Edisi Ketiga*. Shah Alam: McGraw Hill-Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- DBP (2021, Januari 20). *Kamus DBP Dalam Talian*. Retrieved from Gerbang Kata: <http://ekamus.dbp.gov.my/>
- Rahim, S. b. (2018). Sains dan Kemahiran Abad ke-21: Perspektif Murid. *Selangor Humaniora Review*, 29-37.
- Ramasamy, R. (2008). Masalah Disleksia dalam Kalangan Murid-murid Pemulihan di Sekolah Rendah, Pulau Pinang. 1-38.
- Ruwaidah. (2017). Implikasi Teori Kognitif Jean Paiget terhadap Prestasi Belajar Pai Siswa Kelas VII Sempit di Pondok Pesantren Al-Quraniyyah. 1-119.

- Sahudi, N. R. (2020). Kajian Keberkesanan Modul Latihan Program Cabaran Maharaja Kurus terhadap Kecergasan Fizikal. 1-87.
- Said, S. D. (2017). *Perbandingan Kaedah Pengajaran Berasaskan Tema dengan Kaedah Konvensional dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Bahasa Inggeris*, 1-189.
- Saidin, M. (2012). Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari* 4, 77-102.
- Samir, M. Z. (2019). Hubungan antara Personaliti Jenama dan Keinginan untuk Membeli Produk Berjenama Mewah Tiruan: Satu Kajian Kes dalam Kalangan Pelajar UTM.
- Samsudin, N. H. (2017). Penggunaan Asas Membaca Bahasa Melayu untuk Kanak-kanak Pemulihan Khas. 1-509.
- Siswazah, S. P. (2018). *Kod Amalan Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wen, L. A. (2019). Mengenal dan Menulis Huruf B dan D Melalui Kaedah LISENTU bagi Murid Pemulihan. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, 251-261.
- Wilkinson dan Birmingham. (2003). *Using Research Instruments A Guide for Researchers*. London: RoutledgeFalmer.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications Design and Methods*. California: SAGE Publications, Inc.
- Inovasi, P. P. (2017). *Garis Panduan Etika Penyelidikan*. Perlis: Universiti Utara Malaysia.
- UKM. (2018). *Etika dan Amalan Cemerlang Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- UTM. (2018). *Kod Etika Profesional Universiti Teknologi Malaysia*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- UTM. (2018). *Polisi Penyelidikan dan Pembangunan UTM*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from https://www.utm.my/office-dvcri/files/2018/12/Polisi-R-D-2018_PEKELILING.pdf